

Imidapril Hydrochloride (5mg, 10mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Tanatril
2. Bagaimana Tanatril berfungsi
3. Sebelum menggunakan Tanatril
4. Cara menggunakan Tanatril
5. Semasa menggunakan Tanatril
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Tanatril
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Tanatril

Tanatril digunakan untuk merawat hipertensi, iaitu tekanan darah tinggi.

## Bagaimana Tanatril berfungsi

Tanatril mengandungi imidapril hydrochloride yang tergolong dalam kelas ubat yang dipanggil perencat enzim penukar angiotensin (ACE). ACE merupakan enzim di dalam badan yang diperlukan untuk pembentukan bahan kimia yang dipanggil angiotensin II. Angiotensin II mengakibatkan penyempitan arteri, seterusnya meningkatkan tekanan darah. Perencat ACE mencegah pembentukan angiotensin II, oleh itu ia meluaskan saluran darah dan membantu menurunkan tekanan darah. Tanatril boleh digunakan secara individu atau bersama-sama dengan ubat- ubatan lain untuk mengurangkan tekanan darah.

## Sebelum menggunakan Tanatril

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan mengambil ubat ini jika anda:

- Mempunyai atau pernah mengalami reaksi alergi
- Bengkak di bawah permukaan kulit, biasanya berlaku di sekeliling mata dan bibir.
- Menjalani haemodialisis.
- Mengandung atau mungkin mengandung.

### - Sebelum mula menggunakan

Sebelum anda mula mengambil ubat ini, pastikan doktor anda tahu jika anda mempunyai apa-apa masalah jantung, masalah buah pinggang, strok dan iskemia (sekatan bekalan darah ke otak).

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Tanatril

### - Berapa banyak harus digunakan

Dos biasa untuk dewasa ialah 5 mg hingga 10 mg imidapril hydrochloride sekali sehari. Dos boleh diselaraskan bergantung pada umur dan simptom pesakit.

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Biasanya ubat ini diambil sekali sehari. Cuba mengambil ubat ini pada waktu yang sama setiap kali supaya tidak terlepas mana- mana dos.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini.

Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Tanatril

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor.

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Tanatril.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini kerana ia mungkin menyebabkan kesan yang memudaratkan pada bayi anda.

Ubat ini tidak sesuai untuk ibu-ibu menyusui, jika perlu, penyusuan harus dielakkan.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda.

Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berkongsi Tanatril dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

#### *Memandu dan menggunakan jentera*

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera, Jika ubat ini menyebabkan anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Tanatril boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya.

Kesan-kesan sampingan termasuk:

- Batuk
- Pening
- Hipotensi (tekanan darah rendah)
- Sakit kepala
- Ruam

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835490, atau laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

## Cara penyimpanan dan pelupusan Tanatril

### - Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada capaian kanak-kanak.

Simpan pada suhu bawah 30°C. Elakkan kelembapan selepas dibuka.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

TANATRIL 5MG TABLET:  
Tablet putih dengan garisan dan tanda TA 135 di satu sisi dan tanda 5 di sisi lain.

TANATRIL 10MG TABLET:  
Tablet putih dengan garisan dan tanda TA 136 di satu sisi dan tanda 10 di sisi lain.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif  
*Imidapril Hydrochloride*
- Bahan tidak aktif  
*Lactose 200 mesh, Macrogol 6000, Magnesium Stearate.*

### - Nombor MAL

TANATRIL 5MG TABLET:  
MAL20034617AZ

TANATRIL 10MG TABLET:  
MAL20034618AZ

## Pengilang

PT Mitsubishi Tanabe Pharma Indonesia  
Jl. Rumah Sakit No. 104, RT 001 RW 005,  
Kel. Pakemitan, Kec. Cinambo, Kota  
Bandung, Jawa Barat, Indonesia

## Pemegang Pendaftaran Produk

Mitsubishi Tanabe Pharma  
Malaysia Sdn. Bhd.  
Suite 8-3, Level 8,  
Wisma UOA Damansara  
II, No. 6, Changkat  
Semantan, Damansara  
Heights, 50490 Kuala  
Lumpur, Malaysia

## Tarikh kemaskini RiMUP

10/12/2020

## Nombor Siri

NPRA (R1/3) 23102020/181